



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 1 TAHUN 1989

**NILAITARAF BARU BAGI KELAYAKAN IJAZAH SARJANAMUDA
DALAM BIDANG PENGAJIAN ISLAM DAN BAHASA ARAB DARI
ENAM BUAH UNIVERSITI DI ARAB SAUDI**

1. TUJUAN

1.1 Tujuan Pekeliling Perkhidmatan ini ialah untuk memaklumkan nilaitaraf baru bagi kelayakan Ijazah Sarjanamuda dalam bidang Pengajian Islam dan Bahasa Arab dari enam buah universiti di Arab Saudi bagi maksud lantikan ke jawatan-jawatan yang bersesuaian dalam Perkhidmatan Awam mengikut skim-skim perkhidmatan Kerajaan yang sedang berkuatkuasa.

1.2 Nama universiti-universiti yang dimaksudkan di bawah Pekeliling ini adalah seperti berikut:

- (i) Universiti Omm Al-Qura, Mekah (dahulunya dikenali sebagai Kolej Syariah dan Pendidikan);
- (ii) Universiti Al-Malek Saud, Riyadh (dahulunya dikenali sebagai Universiti Riyadh);
- (iii) Universiti Al-Malek Faisal, Ehsa;
- (iv) Universiti Al-Malek Abd. Aziz, Jeddah;
- (v) Universiti Islam Imam Mohamad bin Saud, Riyadh; dan
- (vi) Universiti Islam Madinah, Madinah.

2. NILAITARAF KELAYAKAN YANG PERNAH DILULUSKAN

2.1 Kelayakan Ijazah Sarjanamuda dalam bidang Pengajian Islam dan Bahasa Arab dari universiti-universiti seperti di perenggan 1.2 di atas (kecuali Universiti Al-Malek Faisal, Ehsa) dahulunya telah diiktiraf serta diberi nilaitaraf oleh Kerajaan seperti berikut:

- (a) Ijazah Sarjanamuda diiktiraf setaraf dengan Ijazah Sarjanamuda (BA) Am/Lulus dari universiti-universiti tempatan; dan
- (b) Ijazah Sarjana diiktiraf setaraf dengan Ijazah Sarjana (MA) dari universiti-universiti tempatan dengan syarat memiliki Ijazah pertama yang diiktiraf oleh Kerajaan.

2.2 Berdasarkan kepada pengiktirafan dan nilaitaraf di atas, pemegang-pemegang kelayakan Ijazah Sarjanamuda dalam bidang Pengajian Islam dan Bahasa Arab dari universiti-universiti yang berkenaan adalah layak dipertimbangkan untuk lantikan ke perkhidmatan-perkhidmatan Kumpulan "A" yang mensyaratkan Ijazah Sarjanamuda Am/Lulus sebagai kelayakan masuk minimum. Untuk perkhidmatan-perkhidmatan Kumpulan "A" lainnya yang mensyaratkan kelayakan masuk di peringkat Ijazah Sarjanamuda Kepujian, siswazah-siswazah yang berkenaan layak dipertimbangkan untuk lantikan sekiranya memiliki kedua-dua Ijazah Sarjanamuda dan Sarjana.

3. NILAITARAF KELAYAKAN YANG BARU

3.1 Kerajaan telah mengkaji semula nilaitaraf kelayakan Ijazah Sarjanamuda dalam bidang Pengajian Islam dan Bahasa Arab dari enam buah universiti di Arab Saudi seperti yang terdapat di perenggan 1.2 itu dan seterusnya bersetuju menetapkan *nilaitaraf baru* kelayakan ijazah-ijazah berkenaan mengikut peringkat-peringkat pencapaiannya seperti berikut:

- (a) Pencapaian peringkat *Jayyid* diiktiraf setaraf dengan Ijazah Sarjanamuda Kepujian dari universiti-universiti tempatan;
- (b) Pencapaian peringkat *Maqbul* diiktiraf setaraf dengan Ijazah Sarjanamuda Am/Lulus dari universiti-universiti tempatan.

4. PERLANTIKAN, GAJI MASUK DAN TARIKH KUATKUASA

4.1 Dengan ketetapan nilaitaraf baru ini, pemegang-pemegang kelayakan Ijazah Sarjanamuda dalam bidang Pengajian Islam dan Bahasa Arab dengan pencapaian di peringkat *Jayyid* adalah layak dipertimbangkan untuk lantikan ke perkhidmatan Kumpulan "A" yang bersesuaian dalam Perkhidmatan Awam yang mensyaratkan kelayakan masuk minimum Ijazah Sarjanamuda Kepujian (contohnya jawatan A20 dengan gaji permulaan \$1000/- sebulan). Mereka yang berkenaan juga sekiranya memohon jawatan-jawatan Kumpulan "A" yang lain yang memakai Skim Perkhidmatan Ijazah Am (contohnya A22) layak dibayar gaji permulaan Ijazah Sarjanamuda Kepujian dengan syarat skim tersebut juga ada memperuntukkan kelayakan masuk di peringkat Ijazah Kepujian. Mereka juga sekiranya memiliki Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan layak dipertimbang untuk lantikan sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Kategori "D1".

4.2 Bagi siswazah-siswazah lain yang memperolehi Ijazah Sarjanamuda di peringkat *Maqbul*, pertimbangan lantikan adalah berdasarkan kepada nilaitaraf Ijazah Sarjanamuda Am/Lulus sahaja.

4.3 Penetapan gaji masuk berasaskan nilaitaraf baru kelayakan-kelayakan berkenaan yang ditetapkan pada taraf Ijazah Sarjanamuda Kepujian adalah berkuatkuasa mulai 1 Julai 1988.

5. PENYESUAIAN GAJI PEGAWAI SEDANG BERKHIDMAT

5.1 Pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam mana-mana jawatan kumpulan gaji A22 yang memiliki Ijazah Sarjanamuda dalam bidang Pengajian Islam dan Bahasa Arab pada peringkat *Jayyid* dari 6 buah universiti yang berkenaan yang masih menerima gaji lebih rendah daripada \$1000/- sebulan dan dilantik sebelum 1 Julai 1988 hendaklah diselaraskan gaji mereka kepada matagaji

\$1000/- mulai 1 Julai 1988. Tarikh kenaikan gaji pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat yang dilantik sebelum 1 Julai 1988 adalah dipinda seperti di *Lampiran "A"*.

5.2 Bagi pegawai-pegawai yang dilantik pada atau selepas 1 Julai 1988, gaji masuk mereka juga hendaklah diselaraskan ke matagaji \$1000/- sebulan. Tarikh kenaikan gaji mereka adalah ditetapkan mengikut Perintah Am 45, Bab "A".

6. BAYARAN TUNGGAKAN

6.1 Dengan pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan ini, tunggakan boleh dibayar secara sebenar mulai 1 Julai 1988.

7. AM

7.1 Jika terdapat apa-apa keraguan semasa melaksanakan Pekeliling Perkhidmatan ini, Ketua-ketua Agensi adalah diminta supaya menghubungi Urusetia Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan di Jabatan ini.



(TAN SRI DATO' ALWI JANTAN)
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

Tarikh: 20 Januari, 1989

s.k.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Malaysia.

Urusetia Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, Sabah.

Urusetia Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, Sarawak.

Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, Malaysia.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam Cawangan Sabah.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam Cawangan Sarawak.

Ketua Pengurusan Badan-badan Berkanun Persekutuan.

Ketua Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan.

**PINDAAN TARIKH KENAIKAN GAJI BAGI PEGAWAI-PEGAWAI
YANG DI BERI PEMINDAHAN GAJI DARI TIGA MATA DALAM
TANGGAGAJI SEKARANG KEPADA SATU MATA DALAM
TANGGAGAJI YANG BARU MULAI DARI 1hb JULAI 1988**

*Tarikh kenaikan
Gaji Yang Baru*

- | | |
|---|--------------------|
| (i) Pegawai-pegawai yang menerima gaji yang tinggi pada | |
| 1hb Julai 1987 kepada 30hb September 1987 | 1hb Ogos 1988 |
| 1hb Oktober 1987 kepada 31hb Disember 1987 | 1hb September 1988 |
| 1hb Januari 1988 kepada 31hb Mac 1988 | 1hb Oktober 1988 |
| 1hb April 1988 kepada 30hb Jun 1988 | 1hb November 1988 |
| (ii) Pegawai-pegawai yang menerima gaji yang tengah pada | |
| 1hb Julai 1987 kepada 30hb September 1987 | 1hb Disember 1988 |
| 1hb Oktober 1987 kepada 31hb Disember 1987 | 1hb Januari 1989 |
| 1hb Januari 1988 kepada 31hb Mac 1988 | 1hb Februari 1989 |
| 1hb April 1988 kepada 30hb Jun 1988 | 1hb Mac 1989 |
| (iii) Pegawai-pegawai yang menerima gaji yang rendah pada | |
| 1hb Julai 1987 kepada 30hb September 1987 | 1hb April 1989 |
| 1hb Oktober 1987 kepada 31hb Disember 1987 | 1hb Mei 1989 |
| 1hb Januari 1988 kepada 31hb Mac 1988 | 1hb Jun 1989 |
| 1hb April 1988 kepada 30hb Jun 1988 | 1hb Julai 1989 |